PERBADANAN ADAT MELAYU DAN WARISAN NEGERI SELANGOR

PELAN STRATEGIK 2011-2015

1.0 OBJEKTIF DOKUMEN

Dokumen ini memberikan penekanan kepada peranan pelan strategik yang dimainkan oleh PADAT sebagai sebuah agensi yang bertanggungjawab untuk mengurus Adat Melayu dan warisan bagi negeri Selangor Darul Ehsan. Sasaran pelan ini adalah untuk membantu PADAT dalam mencapai visinya untuk menjadi "Ke Arah Menjadikan Selangor Pusat Unggul Serantau dalam Memartabatkan Adat Melayu dan Warisan Negeri. Pelan ini mengandungi garis panduan dan hala tuju kepada pengurusan PADAT untuk :

- Memberi tunjuk arah masa depan PADAT;
- Menyediakan kerangka dan petunjuk kepada usaha-usaha pembaharuan;
- Mengoptimakan sistem pengorganisasian PADAT;
- Menyediakan garis panduan bagi pembuatan keputusan harian PADAT;
- Membangun dan meningkatkan kapasiti dan keupayaan tenaga kerja PADAT;
- Menyediakan kaedah pemantauan dan penilaian prestasi PADAT;

2.0 LATAR BELAKANG PADAT

'Adat' dan 'warisan' merupakan komponen penting dalam menjadikan sesuatu bangsa itu disegani. Kekuatan pengamalan adat dan warisan yang diwarisi turun-temurun merupakan kayu pengukur kepada jatidiri sesuatu bangsa.

Budaya, adat dan warisan adalah antara elemen-elemen yang terdapat di dalam kebudayaan. Ini bersesuaian dengan definisi kebudayaan yang dinyatakan oleh E.B Taylor et al ., iaitu kebudayaan adalah lingkungan hidup yang dicipta oleh manusia yang meliputi keseluruhan pengetahuan, sikap dan pola perilaku, semua peraturan hidup yang dicipta dan berakar umbi dari sejarah tersurat dan tersirat, undang-undang, adat resam, kesenian dan nilai-nilai ini dipelajari dan diwaris melalui simbol yang menjadikan ciri-ciri khusus manusia termasuk pewujudannya dalam hasil budaya iaitu budaya benda dan budaya bukan benda.

Warisan pula adalah berkaitan dengan sesuatu yang diterima secara tutun-temurun dari generasi terdahulu. Ianya menggambarkan memori kepada keseluruhan kehidupan sesuatu bangsa yang melambangkan ketamadunan (contohnya binaan struktur, ciptaan kreatif, budaya, perlakuan dan sebagainya)

Warisan (mengikut Akta Warisan 645) dikategorikan kepada empat:

i. Tapak Warisan iaitu kawasan tempat zon, monumen bangunan rizab arkeologi dan mana-mana tanah dengan bangunan, taman (bentuk tidak alih) yang merangkumi warisankebudayaan ketara dan warisan semulajadi;

ii. Objek Warisan iaitu tanda benda purba, objek sejarah bukan harta karun (bentuk boleh alih) merangkumi kebudayaan ketara dan warisan kebudayaan tidak ketara;

iii. Warisan Kebudayaan Di Bawah Air iaitu tapak struktur bangunan artifak bersama konteks arkeologi (bentuk boleh alih dan tidak alih) merangkumi warisan kebudayaan sahaja; dan

iv. Orang Hidup iaitu diangkat sebagai Warisan Kebangsaan.

Justeru itu, pewujudan PADAT diadakan berdasar kepada penguatkuasaan Enakmen Perbadanan Melayu dan Warisan Negeri Selangor pada 16 Mac 2009 di mana PADAT merupakan badan khas yang akan menjaga hal ehwal Adat Melayu dan Warisan Negeri Selangor.

PADAT akan menjadi agensi unggul di peringkat Negeri Selangor dalam menyelidik, memulihara, mengumpul, mendokumentasi, mempamer, menyebar dan menerbitkan segala aspek tradisi ilmu, bahasa, persuratan, adat-adat Melayu, tamadun Islam, warisan kesenian, permuziuman dan pembangunan.

3.0 VISI, MISI, MOTTO DAN SLOGAN PADAT

VISI PADAT

"Ke Arah Menjadikan Selangor Pusat Unggul Serantau Dalam Memartabatkan Adat Melayu dan Warisan Negeri"

MISI PADAT

" Memperkasakan Adat Melayu dan Warisan Negeri Selangor "

MOTTO PADAT

"Adat Melayu Dan Warisan Selangor Tonggak Peradaban Negeri"

SLOGAN PADAT

"Martabatkan Adat Melayu Dan Warisan Selangor'

4.0 NILAI KORPORAT PADAT


Menyedari bahawa adalah penting bagi PADAT untuk mempunyai nilai korporat yang menyeluruh bagi membentuk budaya kerja yang cemerlang, PADAT telah mengenal pasti beberapa nilai teras bagi memastikan visi, misi dan objektif PADAT dapat dicapai seperti yang telah dirancangkan. Nilai-nilai berkenaan adalah:

- Profesionalisma
- Fokus kepada pelanggan
- Semangat berpasukan
- Penambahbaikan berterusan
- Warga kerja Yang berprestasi tinggi
- Akauntabiliti dan berintegriti; dan
- Penyayang

5.0 STRUKTUR ORGANISASI PADAT

Pada ketika ini, PADAT merupakan satu-satunya agensi yang menguruskan hal ehwal adat Melayu dan warisan bagi negeri Selangor. Pejabat utamanya adalah di Muzium Sultan Alam Shah, Shah Alam dengan diketuai oleh seorang Ketua Pegawai Eksekutif (CEO) yang dibantu oleh empat (4) bahagian utama iaitu Bahagian Pemuziuman, Bahagian Adat-Adat Melayu dan Tamadun Islam, Bahagian Warisan dan Bahagian Khidmat Pengurusan.

Terdapat lima (5) buah muzium di bawah pengurusan PADAT iaitu Muzium Sultan Alam Shah di Shah Alam, Muzium Daerah di Kuala Selangor dan Sabak Bernam, Muzium In-Situ di Jugra dan Gedung Raja Abdullah di Klang. Ahli Lembaga PADAT terdiri dari pelbagai profesion, khasnya dalam bidang adat Melayu, warisan dan sejarah. Struktur organisasi PADAT pada 18 Ogos 2010 adalah seperti di Lampiran A.


PERBADANAN ADAT MELAYU DAN WARISAN NEGERI SELANGOR
PEJABAT PENGARAH EKSEKUTIF
Azlinda Azman - Pengarah - S2
Nadia Nadirah binti Nazlan - Pem. Setiausaha Peg. - N17
BAHAGIAN KHIDMAT PENGURUSAN
Adrian Cre Mud - Pegawai Tadbir - N44
BAHAGIAN ADAT-ADAT MELAYU & WARISAN
Mohd Lotfi Nazar - Kurator - S48
BAHAGIAN PEMUZIUMAN
Mohamad Aris Haji Sahid - Kurator - S44
UNIT PENTADBIRAN DAN SUMBER MANUSIA
KOSONG – Pen. Peg. Tadbir - N27
Fahrudin Jamaluddin - PT(P/O) - N22
Rohana Sayadi - PT(P/O) – N17
Nazra Mohd Yusof - PT(P/O) – N17
Nurudrin Jafafar Sidik - PT(P/O) – N17
Rosi bin Mokan - PT(P/O) – N17
Azrizal bin Ahmad - PT(P/O) – N17
Muhamad bin Sidik - PT(P/O) – N17
Azura binti Basir - PT(P/O) – N17
Mohd Ruhaidi Khalid – Pemb. Am Pejabat - N1
Ahmad Budi Ismanty Mohamed Monn–Pemb.Am Pej.–N1
Irwan Ibrahim – Pemb. Keselamatan - KP17
Mohd Khairil Ibrahim – Pemb. Keselamatan - KP17
Mohd Fadzli Yaacob - Pekerja Awam - R1
Norina Ishak - Pekerja Awam - R1
Zainar Ali - Pemandu Kenderaan - R3
Azrizan Nair Natar - Pemandu Kenderaan - R3
Syafrincoor Rizal Samson - Pemandu Kenderaan - R3
UNIT BUDAYA & KESENIAN
Mohd. Subli bin Musa – Kurator - S41
Hasimda Ismail - Pen. Kurator – S27
** Kaisoon Binti Samad – Pegawai Kebudayaan – B27
Mohd. Zaki Bin Mohamad Kadan-Pemb. Muz-S17
** Siti Aishah Binti Idris – Arts Budaya (Jurulatih) – B17
** Ghazali Bin Mohd Zakaria – Akhl Muzik – B17
** A.Jefny Bin Alam – Akhl Muzik – B17
** Mohd Zam Bin Hassan – Akhl Muzik – B17
** Mohd Azhyl Bin M.Ramlan – Akhl Muzik – B17
** Azrad Bin M.Ramlan – Akhl Muzik – B17
** Mohd Azie Bin Mohd Isa – Akhl Muzik – B17
** Zaidan Bin Rasid – Akhl Muzik – B17
** Nur Nazatul Azwa Binti Mohd Arof – Akhl Muzik – B17
**Alif Effendy bin Abdul Razak – Akhl Muzik – B17
** Azrizan Bin Mohamad Kamal – Arts Budaya – B17
** Mohd Khyrull Anuar Bin Ahmad – Arts Budaya – B17
** Noor Asmah Binti Zainal – Arts Budaya – B17
** Nurhafida Binti Mohd Yusop – Arts Budaya – B17
** Siti Nor Ifan Binti Sabri – Arts Budaya – B17
** Siti Norliza Binti Selin Mohamad – Arts Budaya – B17
** Norcomizan Binti Sulaiman – Arts Budaya – B17
** Nor Janatul Hajar Bnt Samuin – Arts Budaya – B17
** Nurul Syahida Binti Wahid – Arts Budaya – B17
** Nur Nandira Binti Mohd Masharan – Arts Budaya – B17
**KOSONG – Arts Budaya – B17
**Nurul Natasha binti Mentawinata – Arts Budaya – B17
**Juliana binti Jamal – Arts Budaya – B17
**Farah Fairra binti Md Sheer – Arts Budaya – B17
**Muhammad Taufiq bin Md Razif – Arts Budaya – B17
**Muhammad Adli bin Aman – Arts Budaya – B17
UNIT ARKIB & PENERBITAN
Abdullah Anas Abu Bakar – Kurator - S41
Siti Syabana Mohd Yusof - Pen. Kurator - S27
Intan Hazira Abdullah - Pen. Kurator - S27
Azuan Mohamad - Pemb. Muz - S17
** Asmidar Amer – Pembantu Perpustakaan S17
Mohd. Nazrin bin Kamaruddin – Pereka - S21
Mohd. Farouz bin Saan – Pereka - S21
Mohd Ali Imran Mohd Rauf-Akhl Fotografi - B17
Reeza Radzi bin Rosnan - Akhl Fotografi - B17
UNIT TAMADUN ISLAM & TRADISI ILMU
Rohayu Mohd Yunus - Pen. Kurator - S32
KOSONG – Pen Kurator - S27
Mohd Sani Haji Suradi - Pen. Kurator - S27
Siti Mazli Seh Hashim – Pemb. Muz. - S17
Nor Diana Badri - Pembantu Muz. - S17
Enaera Sukiman - Pemb. Muz. - S17
Mohd. Faizal Ibrahim - Pemb. Muz. - S17
UNIT TEKNOLOGI MAKLUMAT
Nornuda Salien - Peg. Teknologi Maklumat - F41
Mohd Eiyan Mohammad Zaki - Pen Peg Tek Maklumat - F29
Hisamudin Ab. Samad - Juruteknik Komputer-R17
KOSONG – Pemb. Am Pejabat - N1
UNIT KEWANGAN & PEMBANGUNAN FIZIKAL
Siti Khadijah Abd Aziz - Pegawai Tadbir - N41
Zahabiah Mohamed@One Mat - Pen. Akauntan - W27
Khalid Aswad Jamaluddin - PT(P/O) - N22
Nor Shahida Saleh - Pemb. Akauntan - W17
Sunita binti Mahbob - Pemb. Akauntan - W17
Faizah Saroni - PT(P/O) – N17
Muhammad Rizwan bin Mohmad Ramley - PT(P/O) – N17
Rosiah Mohd Tap - PT(P/O) – N17
Anita Tuamo - Pemb. Muz. - S17
KOSONG – Juruteknik - J17
Ahmad Najib Zaini - Juruteknik - J17
Shahrudin Abu Hasan - Tukang K2 - R11
BAHAGIAN PEMUZIUMAN
MUZIUM SULTAN ALAM SHAH
Rizal Mohamad Janah - Kurator - S41
Mohamad Nor Sapar@Sapardan - Penolong Kurator - S27
Comel Puteri Ibrahim - Pen. Kurator - S27
KOSONG – Pen. Kurator - S27
Rohaniyah Mat Kunting - Pemb. Muz. - S17
Rafee Mohd Nasir - Pemb. Muz. - S17
Mohd Fitri Bin Abdul Karim - Pemb. Muz. - S17
Siti Azwana Jupri - Pemb. Muz. - S17
Gedung Raja Abdullah / Istana Bandar / Insitu Jugra
Mohd Aswadin Selamat – Pemb. Muz. - S22
Mohd Jamgi Zamin – Pemb. Muz. - S17
Azizan Haji Omar - Pemb. Muz. - S17
Pendidikan Muzium
Azrizan Kamisan – Pen. Kurator - S27
Norfaran Abd Latib - Pembantu Muz. - S17
MUZIUM DAERAH KUALA SELANGOR / MUZIUM DAERAH SABAK BERNAM
Rizal Effendy Zainuddin - Pen. Kurator - S27
Muzium Daerah Kuala Selangor
Razliawati Ibrahim - Pemb. Muz. - S17
Mohd Khayat Abdullah - Pemb. Muz. - S17
Marsal Bahanun – Pemb. Muz. - S17
Nursyazwany Kamary - Peg. Khidmat Pelanggan - N17
Muzium Daerah Sabak Bernam
Muhamad Humaizi Ab Halim - Pemb. Muz. - S22
Ruslan Abdul Rahman - Pemb. Muz. - S17
Juriana Maiyad Ismail - Pemb. Muz. - S17
Amiran Asri - Peg. Khidmat Pelanggan - N17
UNIT KORPORAT
Shahrunizza Nanin - Pen. Kurator - S32
Nor Hazita Sumali - Pemb. Muz. – S22
Azmi Abdullah - Peg. Khidmat Pelanggan - N17
Raja Nooraini Agam- Peg. Khidmat Pelanggan-N17
Mamtun Mior Zainuddin– Peg. Khidmat Pelanggan-N17
**KOSONG – Peg. Khidmat Pelanggan-N17
UNIT PENYELIDIKAN & PEMBANGUNAN (R&D)
Intan Saima Idrus - Kurator - S41
Mohd. Zainuddin Abdullah - Pen. Kurator- S27
Mohd Aidy Khairunizam Rashid - Pen. Kurator – S27
Asmin Sulaiman - Pemb. Muz. - S17
Ahbayah Zaini - Pemb. Muz. - S17
Mohd. Noor-Hisham Ibrahim - Pemb. Muz. - S17
Emeelnazam Abdullah - Pemb. Muz. - S17
Noornayati Md Yatim - Pemb. Muz. - S17
**KOSONG – Peg. Khidmat Pelanggan-N17
UNIT PAMERAN & PENGURUSAN KOLEKSI
Mohd Ismail Ramlan@Bovran-Penolong Kurator-S32
Rafida Rahmat - Pen. Kurator – S27
Nor-Akmal Omar - Pembantu Muz. - S17
Rammlan Simin – Pemb. Muz. - S17
Farid'ul'azudin Kamarudin - Pemb. Muz. - S17
PETUNJUK :
Jawatan Sedia ada
Jawatan Kosong
** Jawatan Kontrak

6.0 MENYUSURI PERUBAHAN SEBELUM MENJADI PADAT

Organisasi PADAT dahulunya dikenali sebagai Lembaga Muzium Selangor (LMS) merupakan organisasi yang memberi tumpuan kepada aktiviti pameran, penyelidikan, penerbitan dan pengumpulan koleksi bagi muzium di negeri Selangor sejak tahun 1975 di bawah Enakmen No. 6 Tahun 1975.

Ketika penubuhan LMS, organisasi ini mempunyai kakitangan bertaraf kontrak dan juga pemuzik, penari serta mempunyai studio muzik dan tarian. Antara kemudahan lain yang ada adalah pusat sumber, makmal fotografi, makmal alam semula jadi, makmal konservasi, bengkel tukang kayu dan pertukangan, auditorium, kedai cenderahati, kedai barangan antik serta bilik seminar dan mesyuarat. Kesemua kemudahan ini adalah bagi menyokong aktiviti LMS pada ketika itu.

Terdapat sembilan (9) balai pameran diwujudkan sebagai usaha pengembangan aktiviti LMS iaitu Balai Sejarah, Balai Kebudayaan, Balai Kesultanan, Balai Menteri Besar, Balai Ekonomi, Balai Kebudayaan, Balai Ilmu Kejadian, Balai Sukan dan Balai Islam.

Aktiviti penyelidikan turut dijalankan bagi tujuan pengisian balai-balai pameran atau pameran bertema di mana aktiviti pameran dijalankan secara berkala iaitu empat (4) kali setahun. Aktiviti penyelidikan turut menggunakan tenaga pakar dari luar seperti Profesor Leong Sau Heng bagi kerja-kerja ekskavasi dalam konteks arkeologi. Aktiviti pameran ini dijalankan oleh kakitangan LMS tanpa menggunakan perkhidmatan konsultan.
Beberapa siri penerbitan juga dilaksanakan oleh LMS pada ketika itu dan juga lain-lain penerbitan seperti booklet, jurnal, buletin, pamplet, buku cenderamata, laporan tahunan dan buku atur cara.

Kemajuan aktiviti LMS terserlah sepanjang era penubuhan Muzium Sultan Alam Shah pada 2 September 1989 dan juga muzium-muzium daerah seperti Muzium Timah, Muzium Kuala Selangor, Muzium Sabak Bernam dan Muzium In-Situ Jugra. Selain daripada itu, pewujudan pelbagai program pendidikan seperti Program Sahabat Muzium, Program Rakan Muda Muzium serta jaringan antarabangsa melalui Kongres Jaringan Asia Timur, serta LMS telah mendapat pensijilan MS ISO9001:1998 dan disusuli dengan MS ISO 9001:2000.

7.0 MENYUSURI TRANSFORMASI LMS KE PADAT

Menyedari peri pentingnya memartabatkan adat Melayu dan warisan negeri Selangor, beberapa dialog dan perbincangan bersama pihak atasan LMS dan pakar-pakar rujuk budaya dan adat Melayu serta warisan telah diadakan di lima (5) lokasi yang berbeza. Hasilnya melalui pemansuhan Enakmen LMS, penubuhan PADAT telah dimeterai melalui Enakmen No. 4 Tahun 2009, dan PADAT dengan sempurnanya telah dirasmikan oleh Duli Yang Maha Mulia Sultan Selangor pada 5 Mei 2009.

Tujuan utama penubuhan PADAT adalah:

- Untuk mengumpul segala maklumat adat Melayu dan warisan negeri Selangor;
- Bertanggungjawab menyelamat, memelihara dan mengembangkan adat Melayu dan warisan negeri Selangor;
- Memperkasakan adat Melayu dan warisan negeri Selangor;
- Mewujudkan pusat maklumat dan rujukan berkaitan adat dan warisan Melayu serantau; dan
- Mendekatkan masyarakat umum kepada institusi pemuziuman.

Serentak dengan itu, perjawatan PADAT juga telah diluluskan dengan struktur yang baru dengan penambahan 17 jawatan tetap oleh Jabatan Perkhidmatan Awam, Malaysia.

Beberapa aktiviti di bawah PADAT, sejak penubuhannya telah turut dilaksanakan, antaranya ialah Karnival Adat dan Budaya, Bengkel Tekat, Bengkel Penulisan dan Bengkel Manuskrip.
Duli Yang Maha Mulia Sultan Selangor, selaku Ketua Negeri dan bertanggungjawab ke atas hal ehwal agama Islam dan adat negeri turut telah menggariskan beberapa perkara yang perlu diberi perhatian utama oleh PADAT iaitu:

- Membangunkan Pusat Penyelidikan Warisan Budaya
- Membangunkan Pusat Penyelidikan Saintifik
- Mengadakan Konvensyen Mengenai Adat Melayu dan Warisan
- Menubuhkan Desa Budaya Negeri Selangor; dan
- Mewujudkan lebih banyak hubungan dan kerjasama antarabangsa.

Justeru itu, melalui pelan strategik PADAT ini, adalah dijangkakan kesemua harapan dan ekspektasi stakeholder PADAT akan cuba dilaksanakan dengan satu matlamat iaitu memartabatkan adat Melayu dan warisan negeri Selangor di peringkat serantau dan juga dunia pada satu masa kelak.

8.0 ANALISA PERSEKITARAN

Sejak penubuhan Lembaga Muzium Selangor (LMS) pada tahun 1986, fokus LMS hanya merujuk kepada aktiviti pemuliharaan khazanah budaya bangsa. Selangor telah diisytiharkan sebagai 'Negeri Maju' pada tahun 2005 dan keperluan untuk mengekal, memulihara, memelihara, memperoleh, mengumpul, mendokumentasi, memantap, mengurus, menyubur, membangun, mengembang, mengawalselia, menyelenggara, memantau, menguatkuasa dan mewarta adat dan warisan Negeri Selangor amat perlu diperkemas dan dipertingkatkan lagi seiring dengan trend pembangunan masa kini.

Justeru itu, penubuhan Perbadanan Adat Melayu dan Warisan Negeri Selangor (PADAT) melalui Enakmen 4 Tahun 2009 iaitu Enakmen Adat Melayu dan Warisan Negeri Selangor, pada prinsipnya sebagai organisasi yang memberi penekanan kepada pengurusan adat Melayu dan warisan negeri melalui penyelidikan, pengumpulan bahan, pendokumentasian, pendidikan, pemeliharaan warisan sejarah, kebudayaan, keseniaan, alam semulajadi dan pelancongan

9.0 STRATEGI DAN SASARAN NEGERI DALAM ASPEK ADAT MELAYU DAN WARISAN NEGERI SELANGOR


Negeri Selangor didiami oleh pelbagai suku bangsa yang membentuk suatu ras negeri dan seterusnya negara. Antara suku-suku tersebut adalah Melayu, Boyan, Bugis, Acheh, Kubu, Jawa, Jambi, Banjar, Mandailing, Kerinci, Asli-Mahmeri, Rawa, Minang dan sebagainya. Akibat dari keadaan ini, maka terjadilah amalan hidup seperti kebudayaan adat resam, reka bentuk senibina yang berupa satu amalan pertembungan dari berbagai-bagai suku kaum berkenaan.

Perkembangan kebudayaan di negeri Selangor adalah berkait rapat dengan perkembangan sejarah. Perkembangan sejarah dan ekonomi negeri ini memaksa wujudnya masyarakat majmuk yang datang bukan sahaja membawa bersama-samanya agama dan kepercayaan masing-masing malah juga adat resam, kebudayaan, senibina dan sebagainya.

Justeru itu, strategi utama Kerajaan Negeri terhadap isu ini adalah untuk memastikan bahawa penyelidikan yang saintifik perlu diadakan terhadap adat Melayu tersebut dan juga warisan-warisannya, yang kemudiannya perlu diuruskan melalui proses pendokumentasian dan juga pendidikan yang akhirnya dapat difahami dan menjadi sumber rujukan kepada generasi yang akan datang. Dan PADAT merupakan agensi yang diberi tanggungjawab penuh untuk memikul dan melaksanakan amanah tersebut.

Persekitaran yang wujud ini mendesak bahawa pengurusan adat Melayu dan warisan bagi negeri Selangor perlu dilaksanakan dengan cekap dan berkesan. Ia perlu memastikan bahawa sasaran dan strategi PADAT selari dengan kehendak dan sasaran pihak Kerajaan Negeri seperti yang telah digariskan. Untuk memastikan kehendak Kerajaan Negeri dan PADAT adalah selari maka beberapa faktor perlu diberi perhatian yang rapi. PADAT perlu membina sokongan institusi serta membangunkan modal insan atau warga kerjanya.

Pembangunan potensi modal insan dan sokongan institusi, perlulah juga mengambil kira keperluan nilai-nilai korporat yang telah dipersetujui, memastikan corak kepimpinan yang komited dengan pencapaian visi dan misi organisasi, strategi yang sentiasa dipantau pelaksanaannya, struktur yang lengkap bagi pelaksanaan program dan aktiviti, proses kerja yang sistematik dan mematuhi peraturan, pengurusan sumber manusia yang cekap, teknologi terkini yang digunakan secara optima dan urus tadbir yang telus dan berintegriti. Secara umunya, keberkesanan pengurusan adat Melayu dan warisan bagi negeri Selangor dapat dilihat melalui rajah berikut :



Rajah 2: Keberkesanan Pengurusan Adat Melayu dan Warisan Negeri Selangor


10. METODOLOGI DALAM MENYEDIAKAN PELAN STRATEGIK PADAT

Seksyen ini menceritakan proses perancangan strategik dan penggunaan metodologi dalam formulasi Pelan Strategik bagi PADAT. Metodologi ini mengandungi empat (4) fasa iaitu Analisis Strategik, Perancangan Strategik, Hala Tuju Strategik dan Pelan Tindakan.

Bagi Fasa Analisis Strategik, isu-isu strategik akan dikenalpasti. Objektif utamanya ialah untuk mengenalpasti situasi semasa organisasi dalam persekitaran semasa. Bagi Fasa Perancangan Strategik, penilaian terhadap prestasi yang lalu dibuat untuk menerangkan dengan jelas faktor-faktor dalaman dan luaran persekitaran yang mungkin memberi kesan kepada prestasi PADAT. Ekspektasi dan kepentingan 'stakeholders' dan pelanggan PADAT akan diperhalusi. Kepentingan tenaga kerja PADAT juga akan diberi perhatian yang serius dan diambilkira dalam formulasi Pelan Strategik. Dengan menggunakan pendekatan analisis SWOT dan strategi kanvas dalam Strategi Samudera Biru (Blue Ocean Strategy), pilihan-pilihan strategik akan dikenalpasti dan diberi pertimbangan.

Dalam fasa Hala Tuju Strategik, pengenalpastian visi dan misi PADAT akan diadakan selepas dibincangkan dengan panjang lebar. Proses ini akan memberi peluang kepada PADAT untuk menilai semula Visi dan Misi sedia ada. Adalah menjadi satu kepentingan bahawa pernyataan visi menjelaskan sesebuah identiti, sebagai contoh, hala tuju, peranan, motivasi, daya saing dan menjelaskan apakah PADAT perlu menjadi sebagai contoh, memimpin, memudahcara, pemain yang relevan dalam industri. Adalah penting juga untuk memastikan bahawa pernyataan misi PADAT menggambarkan tujuan keseluruhan PADAT dari aspek strategi, nilai, gelagat dan standard prestasi. Pernyataan misi sepatutnya mengandungi dua bahagian iaitu dalaman dan luaran. Aspek dalaman memastikan sinergi antara komponen-komponen organisasi manakala aspek luaran memberi fokus kepada produk, servis, nilai, imej dan sebagainya.

Seterusnya, adalah fasa Hala Tuju Strategik yang akan menentukan teras strategik PADAT. Teras berkenaan meliputi respon strategik, objektif strategik dan 'strategic drivers'. Dan fasa terakhir adalah fasa Pelan Tindakan yang akan mengenal pasti tindakan-tindakan strategik yang perlu dilaksanakan untuk mencapai visi dan misi PADAT yang telah dikenal pasti. Pelan tindakan ini meliputi program-program serta projek-projek atau inisiatif secara spesifik, meliputi Faktor Kejayaan Kritikal (Critical Sucess Factor) dan Petunjuk Prestasi Utama. Pelan tindakan yang spesifik adalah amat perlu bagi memastikan dokumen ini dapat digunakan sebagai sumber rujukan semasa pelaksanaan, pemantauan dan penilaian terhadap program dan projek atau inisiatif yang dilaksanakan nanti. Kesemua proses ini adalah digambarkan seperti di Gambarajah 3 (Kerangka Konseptual Bagi Membangunkan Pelan Strategik PADAT).



GAMBARAJAH 3 - KERANGKA KONSEPTUAL PELAN

11. AKTIVITI PERANCANGAN

Metodologi terhadap proses perancangan strategik bagi dokumen ini adalah seperti carta tempoh masa seperti di bawah :

CARTA TEMPOH MASA PELAN STRATEGIK PADAT

Aktiviti	2010			
	Ogos	Sept.	Okt.	Nov.
Sesi Bengkel Pelan Strategik Perbincangan Awal Dokumentasi Awal (Draf 1) Sesi Perancangan Strategik Bengkel bersama SMT Sesi Pasca Perancangan Strategik Penyediaan Laporan Akhir Persembahan kepada Lembaga Pelaksanaan Pelan/Penilaian dan Penambahbaikan				

12. PERBINCANGAN KUMPULAN FOKUS (FOCUS GROUP DISCUSSION)

Ketua Pegawai Eksekutif (CEO) PADAT, sebagai pemimpin, inisiator, pembimbing dan penggerak, memberikan komitmen penuh dalam proses perancangan strategik ini bersama dengan kumpulan pegawai senior yang membentuk empat (4) kumpulan kerja yang memberi fokus kepada kesemua proses perancangan strategik yang terlibat. Ahli-ahli kumpulan kerja tersebut adalah seperti berikut :

Kumpulan 1	Kumpulan 2
Encik Mohd Lotfi b. Nazar (Ketua)	Encik Adnan b. Che Mud (Ketua)
Puan Norhuda bt. Salleh	Encik Mohd Zainudin b. Abdullah
Encik Rizal Effendy b. Mohamad Zainudin	Encik Mohd Ismail b. Ramlan
Mohd Subli b. Musa	Encik Khalid Ashwali b. Jamaluddin
Puan Intan Hazna bt. Abdullah	Puan Siti Syabana bt. Mohd Yusop
Puan Aznizah bt. Kamisan	Puan Zahabiah bt. Mohamed @Che Mat

Kumpulan 3	Kumpulan 4
Puan Intan Salina bt. Idrus (Ketua)	Encik Mohamad Aris b. Hj. Sahid (Ketua)
Encik Abdullah Anas b. Abu Bakar	Encik Mohd Elyan b. Mohammad Zaki
Encik Mohd Aidy Khairulnizam b. Rashid	Encik Mohd Asruddin b. Selamat
Encik Mohamad Nor b. Sapar	Puan Siti Khadijah bt. Abd. Aziz
Puan Comeil Puteri bt. Ibrahim	Puan Rafida bt. Rahmat
Puan Shahrulniza bt. Nenin	Puan Rohayu bt. Mohd Yunus

Pelan tindakan yang dihasilkan kemudiannya diperhalusi lagi oleh pasukan petugas yang terdiri dari pegawai atasan PADAT dengan diketuai oleh CEO PADAT yang akhirnya memperakui dokumentasi ini untuk dibentangkan kepada Lembaga Pengurusan PADAT. Pasukan petugas ini adalah seperti berikut :

Puan Azlinda Azman - CEO PADAT
Encik Mohd Lotfi b. Nazar - Kurator Kanan
Encik Adnan b. Che Mud - Pegawai Tadbir
Puan Intan Salina bt. Idrus - Kurator
Encik Mohamad Aris b. Hj. Sahid - Kurator
Puan Norhuda bt. Salleh - Pegawai Sistem Maklumat

Matlamat utama dalam perancangan strategik bagi sesebuah organisasi adalah untuk menetapkan sasaran dan objektif utama yang membolehkan ia memenuhi visi dan misi yang telah ditetapkan. Sasaran strategik digerakkan melalui menganalisa faktor yang memberi impak kepada organisasi yang perlu diolah untuk membolehkannya mencapai visi dan misi. Faktor berkenaan boleh datangnya dari faktor dalaman mahupun luaran organisasi. PADAT juga tidak terkecuali dari proses ini dan perlu bertindak dan memposisikan dirinya dari semasa ke semasa dari arus perubahan yang kadangkala agak drastik dan secara tiba-tiba.

Atas isu ini, kumpulan fokus PADAT telah menganalisa beberapa faktor dari aspek ekspektasi stakeholder serta warga kerjanya untuk memastikan tahap kepentingan isu-isu berkenaan untuk diuruskan dengan cekap dan berkesan. Analisa berkenaan adalah seperti jadual di bawah:

12.1 EKSPEKTASI DAN CABARAN KEPADA PADAT

12.1.1 Ekspetasi Stakeholder

Kategori	Cabaran dan Ekspektasi	Status Semasa
Ekspektasi Stakeholder	Pusat Penyelidikan.	*
	Desa Budaya Negeri Selangor	*
	Penyelidikan saintifik ke atas adat Melayu dan warisan Selangor.	*
	Konvensyen kesedaran adat Melayu dan warisan negeri Selangor.	*
	Tenaga pakar dalam bidang adat melayu dan warisan	**
	Mewartakan adat Melayu dan warisan negeri Selangor.	**
	Menubuhkan syarikat yang menjana pendapatan berkaitan pengurusan adat Melayu dan warisan.	*
	Aktiviti berkala dengan komuniti tempatan.	****
	Maklumat yang tepat berkenaan koleksi dan pameran.	**
	Dokumentasi bahan penyelidikan melalui pameran atau penerbitan.	***
	Pengumpulan dan perolehan koleksi yang mempunyai perkaitan dengan adat melayu dan warisan.	****
	Penerbitan berkala melalui media cetak atau elektonik untuk diakses atau dicapai oleh masyarakat.	****
	Jalinan kerjasama penyelidikan pakar dengan IPTA dan IPTS dalam dan luar Negara.	****
	Pendaftaran koleksi.	***
	Maklumat kajian saintifik secara sistematik terhadap semua koleksi dan artifak di PADAT	*
	Semua muzium di bawah PADAT sebagai salah satu produk pelancongan wajib yang harus dilawati.	**

Kategori	Cabaran dan Ekspektasi	Status Semasa
Ekspektasi Stakeholder	Tahap pendidikan dan kemahiran staf PADAT yang tinggi melalui kursus jangka pendek dengan badan dan agensi antarabangsa.	**
	Pertukaran program dan latihan kakitangan serta pertukaran budaya dan warisan dengan agensi yang berkaitan	**
	Menaik taraf infrastruktur awam di muzium.	***
	Perubahan dalam peragaan koleksi di balai pameran setiap 3 – 5 tahun sekali.	**
	Pembangunan di semua tapak-tapak bersejarah yang mempunyai potensi besar bagi tujuan penyelidikan pelancongan di negeri Selangor sebagai tarikan pelancongan.	***
	Kerjasama antara muzium-muzium di setiap negeri dan agensi.	****
	Hubungan kerjasama dengan jawatankuasa tetap pelancongan negeri Selangor dan tourism Selangor dengan memastikan semua muzium-muzium dan tapak tanah bersejarah di bawah pentadbiran PADAT sebagai destinasi wajib untuk dilawati.	**
	Kalender aktiviti tahunan PADAT bagi menyemarakkan kegiatan pelancongan berkonsepkan adat Melayu dan budaya Selangor	*
	Menaik taraf kedai cenderamata dengan menjual produk cenderamata berasaskan kraftangan Selangor serta buku terbitan PADAT.	**
	Dasar Kualiti Koleksi PADAT bagi tujuan mengawal, menyelenggara, memulihara, menyimpan, menyelia,memantau dan mengemaskini perolehan koleksi/artifak.	*

*- Tiada **-Minima ***-Sederhana ****-Baik *****-Cemerlang

12.1.2 Eksptasi Warga Kerja

Kategori	Cabaran dan Ekspektasi	Status Semasa
Ekspektasi Warga Kerja	Tempat kerja yang kondusif	***
	Penjelasan mengenai Enakmen PADAT	**
	Cadangan dari staf diterima secara terbuka	***
	Insentif kepada staf untuk melanjutkan pengajian	**
	Kemahiran tertentu untuk kemajuan kerjaya selain tugas-tugas lain yang dilaksanakan.	**
	Peluang untuk mengikuti program jangka pendek yang dianjurkan badan-badan antarabangsa / IPTA	**
	Penyediaan MPK dan Fail Meja	*
	Dialog dua hala di antara staf dan pihak pengurusan	***
	Peningkatan ilmu pengetahuan khasnya dalam aspek adat Melayu dan warisan	**
	Penyelarasan tugas antara unit dan bahagian agar tidak bertindih	**
	Menyediakan pelbagai bentuk pengiktirafan yang bersesuaian untuk peningkatan motivasi	*
	Melaksanakan perancangan kerjaya	**
	Menyediakan pelbagai kemudahan untuk kebajikan staf	*
	Perubahan dalam imej korporat	**
	Jurang antara pentadbiran dan pemuziuman	**

*- Tiada **-Minima ***-Sederhana ****-Baik *****-Cemerlang

12.2 ANALISA SWOT

Analisa SWOT telah digunakan untuk mengenalpasti cabaran-cabaran semasa dan akan datang yang dihadapi PADAT. Dua (2) peringkat analisis ini adalah :

- Mengenal pasti kekuatan dan kelemahan semasa PADAT: aktiviti yang sedang berlangsung sebagai asas untuk mengetahui keperluan penambahbaikan; dan
- Mengenal pasti peluang dan ancaman; faktor persekitaran luaran yang signifikan untuk membina strategi, khasnya, faktor yang mempunyai hubungan dengan pelanggan dan pesaing.

Analisa SWOT digunakan untuk mengenal pasti pilihan strategik dan membina komitmen terhadap pilihan berkenaan yang dianggap 'viable'. Teknik analisa SWOT ini telah dibincangkan dalam kumpulan fokus secara mendalam dan atas persetujuan semua kumpulan yang terlibat. Maklumat hasil analisa ini adalah seperti berikut:

12.2.1 Kekuatan

- Satu-satunya badan yang bertanggungjawab dalam adat dan warisan di Malaysia
- Kemahiran warga kerja yang dibina atas pengalaman yang pelbagai
- Penambahan 17 jawatan baru
- Ahli Lembaga PADAT terdiri dari pelbagai bidang dan bangsa
- Jaringan kerjasama ICT yang erat dengan pejabat SUK Selangor
- Kemudahan WiFi di daerah-daerah
- Peruntukan disediakan untuk pembangunan ICT
- Bantuan kewangan dai Kerajaan Persekutuan untuk aktiviti pemuziuman
- Self accounting
- Lokasi strategik kesemua muzium kecuali di Jugra
- Kemudahan infrastruktur seperti dewan dan auditorium untuk disewa
- Ruang pameran yang besar khasnya di Muzium Sultan Alam Shah

12.2.2 Kelemahan

- Skop kerja yang luas tanpa staf yang mencukupi
- Peluang kenaikan pangkat yang terhad
- Ruang kerja yang tidak sinergi antara unit dalam bahagian
- Kefahaman staf agak rendah berkaitan arahan dan peraturan
- Aliran komunikasi yang kurang berkesan
- Tiada kepakaran dalam bidang perisian ICT
- Tiada bajet untuk pembangunan
- Tiada peruntukan untuk pembelian koleksi baru lebih 5 tahun
- Teknik dan konsep pameran yang konvensional
- Sistem repositori yang tidak memenuhi piawaian ICOM
- Tiada kepakaran dalam bidang konservasi artifak, zoologi
- Makmal konservasi tidak lengkap
- Kemudahan infrastruktur tidak mesra pelanggan (parking dan tandas)
- Kurang promosi berkaitan muzium
- Ruang pejabat dan stor tidak disediakan di Muzium Daerah

12.2.2 Peluang

- Kerjasama dengan lain-lain agensi kerajaan mahu pun swasta adalah tersedia (cth: Tourism selangor, Agen Pelancongan dll)
- Kemudahan ICT yang luas (cth: Facebook, Twitter, Blog, Portal)
- Lokasi yang strategik (pusat bandar)
  Boleh menjana pendapatan sendiri yang diberi melalui enakmen dengan penubuhan syarikat bagi tujuan perniagaan.

12.2.3 Ancaman

- Masyarakat umum masih belum sedar kewujudan PADAT
- Kredibiliti dan ketrampilan PADAT akan sentiasa diperhatikan
- Kurangnya kesedaran dan minat generasi muda bagi menyambung warisan
- Kepimpinan yang kurang menyokong dalam bidang permuziuman dan warisan
- Kurangnya minat masyarakat terhadap muzium dan persaingan taman tema
- Tiada kurikulum yang menekankan kajian berhubung adat melayu dan warisan.

13. PERNYATAAN VISI DAN MISI PADAT

Pernyataan visi memberi gambaran di mana sesebuah organisasi melihat dirinya berada pada satu ketika di masa hadapan. Ianya sepatut ideal, tetapi pada masa yang sama boleh dicapai dengan usaha secara keseluruhan oleh organisasi berkenaan.

Sebelum sesebuah organisasi membuat formulasi visinya, organisasi berkenaan harus menentukan apakah bisnes yang ia mahu laksanakan. Walaupun ianya nampak mudah tetapi perspektif yang berbeza berkenaan ke mana untuk membawa sesebuah organisasi, akan membawa kepada kesukaran menentukan visi yang sepatutnya diadakan.

Justeru itu, pasukan petugas mendapati bahawa untuk memastikan bahawa PADAT dapat memberikan impak yang besar seperti yang diharapkan oleh stakeholder dan juga semangat enakmen yang telah dibentuk, maka visi PADAT adalah:

VISI PADAT

"Ke Arah Menjadikan Selangor Pusat Unggul Serantau Dalam Memartabatkan Adat Melayu dan Warisan Negeri"

Visi PADAT untuk menjadi Pusat Unggul Serantau Dalam Memartabatkan Adat Melayu dan Warisan Negeri, maka beberapa karekteristik perlu ada dalam mencapai visi berkenaan iaitu :

- Warga kerja yang cemerlang dan komited
- Latihan yang memenuhi keperluan semasa PADAT
- Keberkesanan dalam proses dalaman
- Fokus kepada penyelidikan dan pembangunan (R&D)
- Publikasi yang tinggi nilai dan standard
- Inovasi dan kreativiti dalam program dan aktiviti yang dilaksanakan.

Justeru itu, pernyataan misi PADAT adalah:

MISI PADAT

" Memperkasakan Adat Melayu dan Warisan Negeri Selangor "

14. TERAS DAN HALA TUJU STRATEGIK PADAT

14.1 Penentuan Objektif Strategik PADAT

14.1.1 **Objektif Pertama** : Menjalankan penyelidikan dan pembangunan yang saintifik ke atas adat Melayu dan warisan negeri Selangor dalam tempoh RM Ke10.

14.1.2 **Objektif Kedua** : Menguruskan pemeliharaan adat Melayu dan warisan negeri Selangor sepanjang masa.

14.1.3 **Objektif ketiga**: Mempromosi hal ehwal adat Melayu dan warisan negeri Selangor ke peringkat global dalam tempoh RMKe10.

14.1.4 **Objektif keempat**: Meningkatkan kompetensi warga kerja dalam aspek adat Melayu dan warisan negeri dalam tempoh RMKe10.

14.2 Pembentukan Teras Strategik PADAT

Melalui objektif yang telah dibentuk, strategi yang ampuh perlu dibina untuk memastikan setiap objektif yang telah dibangunkan dapat dicapai sepenuhnya. Strategi merupakan keputusan yang diambil dari dalaman organisasi yang akan menentukan kejayaan visi dan misi. Proses pembentukan strategi ini merupakan polisi dan rancangan yang mendefinasikan domain aktiviti utama PADAT.

Terdapat empat (4) teras strategik telah dibangunkan bagi tujuan ini dengan penjelasan yang lebih lanjut bagi tujuan kejelasan dan kefahaman. Empat (4) teras strategik berkenaan adalah:

TERAS STRATEGIK 1	Penyelidikan saintifik yang inovatif dan mencipta nilai
TERAS STRATEGIK 2	Pengurusan konservasi yang cekap dan berkesan
TERAS STRATEGIK 3	Mempromosi adat Melayu dan Warisan Negeri Ke Arah Kegemilangan
TERAS STRATEGIK 4	Warga Kerja Yang Kompeten Dalam Bidang Adat Melayu dan Warisan Negeri

Empat teras strategik ini kemudiannya perlu diperturunkan ke peringkat pelan tindakan dan pelaksanaan yang lebih mendalam, jelas dan dapat diukur pencapaiannya.

15. PELAN TINDAKAN PADAT

Setiap pelan tindakan mestilah mengandungi aktiviti yang terperinci yang akan mencapai teras dan halatuju strategik yang telah dikenalpasti. Perincian tersebut adalah meliputi perkara-perkara berikut :

i. Apakah aktiviti yang akan dilaksanakan;
ii. Bagaimana aktiviti tersebut akan dilaksanakan;
iii. Siapa yang bertanggungjawab dan bila;
iv. Apakah sumber atau input yang diperlukan;
v. Hasil atau output yang dijangka bagi setiap aktiviti; dan
vi. Bagaimana hasil atau output berkenaan dapat membantu mencapai objektif yang telah ditetapkan.

Setelah dibincang dan diperhalusi, beberapa program dan aktiviti telah dikenalpasti bagi tujuan pelaksanaan meliputi tempoh RMKe10 (2011-2015) iaitu :

TERAS STRATEGIK	STRATEGI
<u>TERAS STRATEGIK 1</u> Penyelidikan saintifik yang inovatif dan mencipta nilai	1. Penyelidikan warisan, adat dan budaya masyarakat Selangor (ketara dan tidak ketara) 2. Penyelidikan Warisan Sejarah Selangor 3. Penyelidikan Warisan Selangor 4. Penyelidikan Warisan Senibudaya Negeri Selangor 5. Penyelidikan Warisan Melayu Selangor. 6. Penyelidikan Sejarah Melayu Selangor 7. Penyelidikan Sejarah Daerah-Daerah Selangor. 8. Penyelidikan Rumah-Rumah Tradisional Selangor 9. Penyelidikan Senibina Masjid-Masjid di Selangor 10. Penyelidikan Arkeologi 11. Penyelidikan Artifak/ Koleksi / Objek Sejarah 12. Penyelidikan Khas

<u>TERAS STRATEGIK 2</u> Pengurusan konservasi yang cekap dan berkesan	1. Kerja-kerja konservasi rumah, bangunan, monumen dan tapak tanah bersejarah dan lain-lain berkaitan 2. Aktiviti baik pulih dan penyelenggaraan berkaitan dengan rumah, bangunan, monumen, tapak tanah bersejarah bagi tujuan tarikan pelancongan 3. Pengurusan konservasi artifak / koleksi 4. Mewartakan monumen lama, tapak tanah dan artifak bersejarah di Selangor menerusi Akta Warisan Kebangsaan 2005 dan Enakmen No. 4, PADAT 2009. 5. Menjalankan kerja-kerja Ekskavasi Arkeologi di tapak-tapak sejarah negeri Selangor 6. Menjalankan kerja-kerja Survei Arkeologi di daerah -daerah negeri Selangor.
<u>TERAS STRATEGIK 3</u> Mempromosi adat Melayu dan Warisan Negeri Ke Arah Kegemilangan	1. Program Persembahan Kesenian dan Kebudayaan Adat Melayu dan Warisan Negeri 2. Penerbitan risalah dan hasil kajian dan penyelidikan jabatan 3. Program Permuziuman 4. Program Penjenamaan Semula 5. Mengadakan /meningkatkan kerjasama dengan organisasi dan institusi tertentu

<u>TERAS STRATEGIK 4</u> Warga Kerja Yang Kompeten	1. Menyediakan Pelan Induk Latihan untuk kakitangan jabatan 2. Meningkatkan pengetahuan dalam penyelidikan dan permuziuman 3. Pembangunan Kompetensi kakitangan jabatan 4. Penyelenggaraan peralatan, kenderaan dan kemudahan pejabat untuk warga kerja 5. Sistem kawalan dan keselamatan bangunan dan koleksi 6. Kemudahan dan pembaikan infrastruktur

16. PETUNJUK PRESTASI

